

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI [ SIPITANG ]

**TARIKH :** 17.6.2014

**SOALAN :**

**Datuk Sapawi bin Ahmad Wasali [ Sipitang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh mana penurunan kuasa kepada Pengarah Pelajaran di Sabah dan Sarawak dalam membuat kelulusan projek-projek pembangunan pendidikan di kedua-dua negeri itu, kerana dikatakan kini prosesnya masih perlu dirujuk ke Kuala Lumpur, sehingga menyebabkan ada projek mendesak agak lambat dilaksana, seperti kes-kes kebakaran membabitkan beberapa sekolah rendah di Sabah sejak awal tahun ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagai salah satu langkah untuk mentransformasi sistem penyampaian perkhidmatan di peringkat KPM, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Sabah dan Sarawak akan diwakili kuasa untuk melaksanakan projek-projek pembangunan fizikal, perolehan perkhidmatan serta kerja-kerja penyelenggaraan yang bernilai RM5 juta dan ke bawah.

Pengarah JPN Sabah bertindak sebagai Pegawai Penguin untuk melaksana dan menguruskan projek-projek pembangunan infrastruktur dan perolehan perkhidmatan yang bernilai RM5 juta dan ke bawah. Sebagai Pegawai Penguin, Pengarah JPN Sabah bertanggungjawab untuk merunding, melaksana, mengurus dan memantau projek. Walaubagaimanapun, bagi projek-projek yang bernilai lebih RM5 juta, Pengarah JPN Sabah akan bertindak sebagai wakil Penguin Projek yang bertanggungjawab untuk memantau pelaksanaan kesemua projek-projek Kementerian di Sabah.

KPM sedang mengemaskini hal ehwal perjawatan bagi mengukuhkan sumber tenaga dan kepakaran di JPN serta perkara-perkara yang berkaitan bagi melancarkan pelaksanaan dasar ini.

Rjm98